

# UMK terbit karya Dr Swee Tin

BERITA HARIAN 8/6/2017 P. V. II

**Kota Bharu:** Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerbitkan empat buku sastera karya penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2000, Dr Lim Swee Tin.

Empat buku itu yang bertajuk *Mencanangkan Mimpi*, *Semerbak*, *'Terus Melangkah dan Ikon Perpaduan Melalui Kesasteraan*, dilancarkan di UMK Kampus Kota di Pengkalan Chepa di sini, baru-baru ini.

Pustakawan Kanan Penerbit UMK, Amirul Firdaus Zilah, berkata inisiatif universiti itu menerbitkan buku sastera terbabit bertujuan menjadikannya sumber inspirasi kepada penuntut, sekali gus mendekatkan mereka dengan karya sasterawan tanah air.

## Kaji sendiri

“Melalui penerbitan ini, penuntut dapat

mengkaji sendiri hasil karya pengarang terkemuka,” katanya.

Sementara itu, Dr Swee Tin berkata, penerbitan buku berkenaan adalah hasil perbincangan dengan wakil UMK yang berminat dengan karya sastera.

“UMK bersetuju menerbitkan empat buku karya saya itu khusus untuk penuntut Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,” katanya



Dr Swee Tin bersama empat buku sastera hasil karya beliau.

Fakta  
nombor

Empat buku  
sastera karya  
Dr Swee Tin  
terbitan UMK

RM60-RM90

harga jualan